

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

IDEAS Calls for Rigorous Oversight and Governance Reforms for GLCs

Kuala Lumpur, 14 November 2024: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is calling for substantial reforms in Malaysia's Government-Linked Companies (GLCs) and Government-Linked Investment Companies (GLICs) to ensure they operate transparently and in alignment with Malaysia's economic and public welfare goals. In response to rising concerns over GLC and GLIC investment practices, IDEAS advocates for holistic governance reforms to ensure these entities are more accountable, transparent, and focused on serving the public interest.

"We must ensure that GLCs are not only stewards of public funds but also trusted pillars of economic and social development. It is essential that they are governed by clear, well-defined rules and subject to independent scrutiny, with proper protections for whistleblowers," said Aira Azhari, Acting CEO of IDEAS.

IDEAS recommends a five-point reform framework:

1. **Establish Ownership Rationale and Strategic Purpose:** Clearly articulate each GLC's purpose, including privatisation for non-essential entities.
2. **Implement Rigorous Monitoring and Central Oversight:** Create performance charters with quantifiable objectives for social and economic impact, subject to annual public reporting akin to standards of listed companies.
3. **Enforce Qualified Independent Appointments and Conflict of Interest Policies:** Require transparent appointments, free from political bias, especially from active politicians.
4. **Enhance Whistleblower Protections:** Support the establishment of an independent ombudsman, offering a safe channel for exposing misconduct.
5. **Parliamentary Role in Accountability:** Parliament should serve as the primary oversight body, with MPs fulfilling their roles in Parliamentary Select Committees (PSSCs) rather than accepting board positions in GLICs. This strengthens the separation of governance and oversight, empowering MPs to keep GLICs accountable to the public.

"With our *Pantau Kuasa* initiative, we have seen firsthand how strong oversight and independent appointments are vital for responsible governance. A well-structured Performance Charter—with clear objectives, transparent reporting, and independent governance—would anchor GLCs in public accountability, not political agendas," added Aira.

"IDEAS does not support Cabinet or Parliament directly approving GLC investment or remuneration decisions, as this may worsen political interference," stated Alissa Rode, Senior Research Manager at IDEAS. "Instead, the government should act as an active owner, setting guiding policies for board remuneration and well-defined performance charters.

Parliament has a key role to scrutinise GLCs' adherence to policy, review governance policies, and strengthen oversight. Embedding these standards in law will secure GLC transparency, safeguard public funds, and ensure that GLCs serve the rakyat's interests sustainably."

-ENDS-

For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia.

IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

IDEAS Seru Pemantauan Ketat dan Reformasi Tadbir Urus untuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Kuala Lumpur, 14 November 2024: Institut untuk Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menyeru pengukuhan pelan reformasi untuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) di seluruh negara bagi memastikan pengoperasian yang telus dan sejajar dengan objektif ekonomi dan kebajikan masyarakat di Malaysia. Berikutan kebimbangan terhadap amalan pelaburan GLC dan GLIC kebelakangan ini, IDEAS mencadangkan reformasi tadbir urus yang menyeluruh agar entiti ini lebih bertanggungjawab, telus dan berfokus dalam kepentingan awam.

“Kita perlu memastikan GLC bukan sahaja pemegang amanah dana awam tetapi juga tunjang kemajuan ekonomi dan sosial negara. Entiti ini perlu ditadbir urus oleh peraturan yang jelas dan terperinci serta tertakluk kepada pemantauan yang bebas, di samping perlindungan sewajarnya untuk pemberi maklumat,” ulas Aira Azhari, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

IDEAS menyarankan lima langkah rangka kerja reformasi:

1. **Mewujudkan Rasional Pemilikan dan Tujuan Strategik:** Menyatakan secara jelas tujuan setiap GLC, termasuklah penswastan untuk entiti bukan keperluan utama.
2. **Melaksanakan Pemantauan Ketat dan Berpusat:** Mewujudkan carta prestasi yang dilengkapi objektif yang boleh diukur untuk impak sosial dan ekonomi, yang tertakluk kepada laporan awam tahunan sebagaimana piawaian syarikat tersenarai.
3. **Menguatkuasakan Dasar Pelantikan Bebas Berkelayakan dan Dasar Konflik Kepentingan:** Memerlukan pelantikan yang telus dan bebas daripada pengaruh politik, terutamanya daripada ahli politik yang masih aktif.
4. **Mempertingkatkan Perlindungan untuk Pemberi Maklumat:** Menyokong pelaksanaan ombudsman bebas dan menawarkan saluran yang selamat untuk pendedahan maklumat tentang salah laku.
5. **Peranan Parlimen dalam Kebertanggungjawaban:** Parlimen perlu memainkan peranan sebagai badan pemantauan utama, manakala Ahli Parlimen memainkan peranan dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) berbanding menerima jawatan lembaga pengarah di GLIC. Tindakan ini dapat memperkukuh pemisahan tadbir urus dan pemantauan, lalu memperkasakan Ahli Parlimen untuk mempertanggungjawabkan GLIC kepada orang awam.

“Melalui inisiatif *Pantau Kuasa*, kami dapat melihat pemantauan yang kukuh dan pelantikan bebas adalah amat penting demi tadbir urus yang bertanggungjawab. Satu Carta Prestasi yang tersusun berserta objektif yang jelas, pelaporan yang telus, dan tadbir urus yang bebas mampu memberikan keyakinan terhadap GLC dalam kebertanggungjawaban awam, bukan menambat kumpulan GLC dalam kebertanggungjawaban masyarakat awam berbanding agenda politik,” tambah Aira.

"IDEAS tidak menyokong tindakan Kabinet atau Parlimen yang secara langsung meluluskan pelaburan atau keputusan pemberian imbuhan oleh GLC, kerana akan memburukkan lagi campur tangan politik," kata Alissa Rode, Pengurus Kanan Penyelidikan di IDEAS. "Sebaliknya, kerajaan harus bertindak sebagai pemilik aktif, menetapkan dasar panduan untuk pemberian imbuhan lembaga pengarah dan carta prestasi yang terperinci. Parlimen mempunyai peranan penting untuk meneliti pematuhan GLC terhadap dasar, menyemak dasar tadbir urus, dan mengukuhkan pemantauan. Memasukkan piawaian ini dalam undang-undang akan memastikan ketelusan GLC, melindungi dana awam, dan memastikan GLC berkhidmat untuk kepentingan rakyat secara mampan."

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua.

IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.